



BANGGA...atlet Pusat Sukan UMS menunjukkan pingat yang mereka menangi ketika majlis penutupan.

NST 10.6.2013 22

UMS juara keseluruhan Sukan Antara Pusat Sukan Kebangsaan

OLEH FRANCIS XAVIER

francis@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara keseluruhan Kejohanan Antara Pusat Sukan Kebangsaan yang berakhir kelmarin.

Kejohanan selama tiga hari itu disertai 19 pusat sukan di seluruh negara, termasuk Bahagian Sukan Kementerian Pelajaran.

Kejohanan tersebut, yang menampilkan tujuh acara sukan, diadakan di UKM di Bangi sejak 7 Jun.

UMS menduduki tangga teratas selepas

menang dua pingat emas, satu perak dan satu gangsa.

Mereka meraih emas menerusi pasukan dart lelaki dan 8x50m rampaian.

Pasukan lelaki mereka memenangi perak dalam acara boling manakala gangsa diperolehi menerusi acara beregu wanita badminton.

Tiga lagi acara lain ialah futsal, karom dan golf.

Dr Ahmad Naim Ismail, wakil Setiausaha Bahagian Sukan Jabatan Pelajaran, merasmikan majlis penutupan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.